

(FOTO SADDAM USOF/BEI)



Prof Noor Azlan (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Tuck Weng sambil diperhatikan oleh Raja Arshad (tengah).

UKM jadi kampus digital pertama negara

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Bangi

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama negara bergelar 'kampus digital' apabila bakal mendapat perkhidmatan WiFi berkelajuan tinggi di semua kampusnya seluruh negara.

Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata sejumlah

30,000 pelajar UKM bakal menikmati pengalaman 'sentiasa terhubung' pada bila-bila masa di mana jua menerusi rangkaian 4G LTE terbaik di negara ini.

Selain pelajar, beliau berkata, seluruh warga universiti itu akan menggunakan kemudahan berkenaan dalam melicinkan pelaksanaan aktiviti seperti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta rangkaian masyarakat dan industri.

"Dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (Industri

4.0), banyak perkara sudah mengalami proses digital dan pendidikan tinggi tidak terkecuali, justeru kemudahan ini memberi peluang untuk UKM menerokai ilmu baharu serta menghasilkan bakat berdaya saing.

Tiga elemen utama

"Ia juga sejajar hasrat disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, dalam Amanat Tahun Baharu 2018 yang ingin melihat IPT bersedia menghadapi pendidikan 4.0 dengan penekanan ter-

hadap tiga elemen utama, iaitu ilmu, industri dan insan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara UKM dengan Maxis Berhad di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, UKM diwakili Prof Noor Azlan, manakala Maxis pula oleh Ketua Perniagaan syarikat telekomunikasi berkenaan, Loong Tuck Weng.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Maxis, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda;

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal; serta Ketua Produk Perusahaan Maxis, Shanti Jusnita Johari.

Sektor kritikal

Sementara itu, Shanti Jusnita berkata, pihaknya menyedari pendidikan adalah sektor kritikal, justeru akses pada komunikasi dan teknologi canggih dapat memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan.

Beliau berkata, kerjasama tiga tahun itu juga meliputi inisiatif pembangunan pelajar seperti peluang latihan dengan Maxis, program keusahawanan pelajar dan ceramah kepemimpinan.

"Selain akses WiFi di 13 fakulti, bas UKM terpilih yang menggunakan laluan kampus Bangi juga akan dilengkapi kemudahan itu bagi memastikan pelajaranya sentiasa mampu disambungkan ke Internet ketika dalam perjalanan," katanya.